

Headline	2,208 jemaah pilih guna khidmat pakej		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	18	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	148 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,830
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,491



**Makkah:** Seramai 2,208 jemaah memilih menuaikan haji menggunakan perkhidmatan pakej pengelola jemaah haji tahun ini termasuk 847 menerusi anak syarikat Lembaga Tabung Haji (TH) iaitu TH Travel & Services Sdn Bhd.

Ia membabitkan pakej mewah bernilai antara RM22,000 dan RM220,000 yang ditawarkan 16 syarikat agensi pelancongan yang di-



## 2,208 jemaah pilih guna khidmat pakej

lesenkan TH.

Pengarah Operasi Pengelola Jemaah Haji Mat Admara Alang Azizdin berkata, antara keistimewaan pakej ini adalah penginapan berhampiran Masjidilharam, bilik lebih selesa, makan secara bufet termasuk sarapan pagi, khemah penginapan khas ketika ibadat luar di Arafah dan Mina serta berhampiran tempat melontar di jamrah.

Katanya, jemaah yang menggunakan perkhidmatan ini adalah mereka yang

“

Antara syarat pertama untuk mengambil pakej ini ialah seseorang jemaah itu mesti terpilih terlebih dulu seperti biasa”

Mat Admara Alang Azizdin

tersenarai untuk menunaikan haji seperti mana jemaah di bawah muassaah dan tiada sebarang kelebihan daripada segi senarai menunggu.

“Antara syarat pertama untuk mengambil pakej ini ialah seseorang jemaah itu mesti terpilih terlebih dulu seperti biasa.

“Kalau kes rayuan sebagai mana muassasah bagi kes membabitkan perlu menemani mahram, jemaah warga emas dan keperluan khidmat ahli keluarga sebagai pengiring, kita berikelonggaran seperti jemaah muassasah juga,” katanya.

Menurut beliau, tidak timbul isu jemaah yang menggunakan khidmat pakej ini ‘memotong barisan’ jemaah muassasah kerana sistem pemilihan adalah seperti biasa.